GARIS PANDUAN SUBSIDIARI
BAGI GP PELABELAN PRODUK
RMP (GP.PL-01)

# GARIS PANDUAN NAMA DAGANGAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN 2021)

**Unit Pelabelan Produk**
**Seksyen Pendaftaran Dan Pematuhan**
**Bahagian Kawalan Racun Perosak Dan Baja (BKRPB)**
**Jabatan Pertanian Malaysia**
**September 2021**

# GARIS PANDUAN NAMA DAGANGAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN 2021)

## 1. TUJUAN

1.0 Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan dan penjelasan secara terperinci kepada syarikat pendaftar mengenai kaedah menamakan sesuatu produk Racun Makhluk Perosak (RMP) yang didaftarkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak (ARMP) 1974 [Akta 149], berdasarkan kepada Garis Panduan Pelabelan Produk RMP bagi elemen cetakan nama dagangan (*Trade Name*).

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Secara umumnya, nama dagangan atau nama perdagangan adalah merupakan kaedah yang digunakan bagi memberikan identiti dan pengenalan sesuatu keluaran oleh syarikat mengenai produk atau jenama kepada pengguna. Secara khususnya, nama dagangan bagi produk RMP diperlukan bagi tujuan pendaftaran, pematuhan undang-undang dan peraturan di bawah ARMP 1974 serta untuk tujuan rasmi yang lain.

2.2 Nama dagangan adalah merupakan elemen penting bagi penentuan RMP berlainan jenis berdasarkan kepada Seksyen 2, Subsekyen 2 (b), ARMP 1974, dengan menjelaskan bahawa “**Nama dagangan atau cap dagangan racun makhluk perosak itu adalah berlainan daripada nama dagangan atau cap dagangan racun makhluk perosak yang satu lagi itu”.**

2.3 Pemilihan nama dagangan yang betul dan memenuhi spesifikasi pelabelan merupakan aspek yang penting bagi memastikan tiadanya isu **pertindihan nama dagangan antara sesuatu produk RMP** yang telah diluluskan. Selain itu, setiap pemilihan nama dagangan perlulah memenuhi **kesemua peruntukan undang-undang di Malaysia**. Sekiranya terdapat sebarang pertindihan dan pelanggaran ianya boleh menyebabkan sesuatu RMP

dibatalkan pendaftarannya oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP).

## 3. PENGELASAN NAMA DAGANGAN RMP

3.1 Secara umumnya, nama dagangan produk RMP boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu:

### 3.1.1 Nama Dagangan bagi produk RMP Yang Dirumuskan (*Formulated Product*)

Nama dagangan produk RMP yang dirumuskan bagi kegunaan Pertanian, Kesihatan Awam (*Public Health*), Isi Rumah, Pengawet dan Veterinar kebiasaanya menggunakan nama yang unik dan lebih komersial bagi memberikan identiti dan ciri yang berbeza kerana terdapat kepelbagaian variasi produk dari segi kegunaan, fungsi dan sasaran kumpulan pengguna di pasaran.

### 3.1.2 Nama Dagangan bagi produk RMP untuk Tujuan Perkilangan.

Nama dagangan produk RMP perumusan Bahan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) kebiasaannya mempunyai nama dagangan yang terus memberikan **identiti RMP tersebut dengan apa-apa kombinasi singkatan nama syarikat, nama perawis aktif, angka yang menunjukkan %w/w dan singkatan perumusan**. Ini adalah bersesuaian dengan kegunaan RMP jenis ini yang digunakan secara terhad dalam sektor perkilangan sahaja.

## 4. PRINSIP ASAS MELETAKKAN NAMA DAGANGAN PRODUK RMP

4.1 Kaedah dan tatacara meletakkan sesuatu nama dagangan produk RMP adalah mestilah mematuhi prinsip-prinsip seperti berikut:

### 4.1.1 Tidak Menyerupai Nama Dagangan Produk RMP Yang Telah Diluluskan Pendaftarannya Oleh LRMP

**Jadual 1: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.1**

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **1.** | **Keterangan syarat dan contoh nama dagangan bagi prinsip 4.1.1 adalah seperti berikut:** |
| | 1.1 Penggunaan nama dagangan yang sama bagi sesuatu produk RMP adalah tidak dibenarkan, tidak kira sama ada ianya didaftar oleh syarikat pendaftar yang sama atau berlainan;<br><br>1.2 Larangan kepada mana-mana syarikat pendaftar untuk menawarkan penggunaan nama dagangan yang sama kepada pihak syarikat pendaftar yang lain walaupun terdapat surat kuasa kebenaran daripada syarikat yang menawarkan;<br><br>1.3 Sekiranya terdapat permohonan nama dagangan yang sama oleh syarikat pendaftar, prinsip *'first come first serve'* akan digunakan berdasarkan kepada tarikh penerimaan permohonan pendaftaran; dan<br><br>1.4 Pengecualian diberikan bagi perkara 1.1 sekiranya:<br><br>1.4.1 Pendaftaran produk RMP tersebut **melalui proses penukaran hak milik produk, pembelian dan penggabungan syarikat**;<br><br>1.4.2 Bagi produk yang **dibatalkan pendaftarannya atas sebab-sebab tertentu oleh LRMP** atau secara sukarela **dibenarkan** menggunakan nama dagangan yang telah didaftarkan sebelum ini oleh **syarikat pendaftar yang sama sahaja**; dan<br><br>1.4.3 Atas arahan mahkamah disebabkan oleh kes pertikaian nama dagangan produk RMP. |

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **1.** | 1.5 Nama Dagangan produk RMP adalah dikatakan **sama/serupa jika hanya dibezakan oleh penggunaan perkataan, simbol atau bunyi sebutan** seperti berikut: |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Penggunaan simbol "." (noktah) atau "-" (sempang) "&" atau ® atau lain-lain simbol. | **ABC -GLYPHOSATE TC**<br>**ABC .GLYPHOSATE TC**<br>**ABC ® GLYPHOSATE TC** |
| Perbezaan daripada segi kata ganda (plural version) atau kata imbuhan | **ABC RAT**<br>**ABC RATS** |
| | **ABC TIKUS**<br>**ABC TIKUS-TIKUS** |
| Mempunyai bunyi sebutan/ejaan yang sama atau seakan sama | **AMISTARTOP**<br>**ANISTARTOP** |

1.6 Nama Dagangan RMP adalah dianggap **berbeza dan tidak sama sekiranya mempunyai perbezaan huruf atau susun kata** seperti contoh berikut:

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Perkataan biasa yang digabungkan dengan Perawis Aktif/ Perumusan/ Perosak adalah dianggap perkataan biasa dan tidak sama jika keseluruhan nama tidak sama. Cara penulisan hendaklah menggunakan tatabahasa (*grammar*) yang betul. | **ABC MOSQUITO COIL**<br>**LINGKARAN NYAMUK ABC** |

### 4.1.2 Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan.

**Jadual 2: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.2**

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **2.** | **Keterangan syarat dan contoh nama dagangan bagi prinsip 4.1.2 adalah seperti berikut:** |
| | 2.1 Sebarang nama dagangan sama ada sebahagian ataupun keseluruhannya yang boleh dikaitkan dengan **nilai sosio budaya dan sosio ekonomi masyarakat tempatan yang merangkumi agama, institusi, politik, pekerjaan** seperti berikut: |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Perkataan yang menyentuh atau melambangkan unsur-unsur keagamaan atau kepercayaan tidak dibenarkan dalam apa-apa bahasa sekalipun. | ALLAH, GOD, JESUS, LORD, DEWA, MEKAH, KUIL, MASJID, TEMPLE, BUDDHA, TOKONG, ANIMISME dan lain-lain seumpamanya. |
| Tidak dibenarkan menggunakan nama yang ada kaitan dengan singkatan nama badan-badan berkanun, syarikat-syarikat atau agensi kerajaan seperti:<br>(i) Singkatan nama (akronim) institusi-institusi pengajian tinggi; dan<br>(ii) Akronim agensi-agensi kerajaan Persekutuan atau Negeri dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC); | ▪ UPM, UiTM, MARATech, PERDA Tech, UUM, UKM, UTM, UM, CYBER COLLEGE, IMU COLLEGE, Kolej RISDA dan lain-lain seumpamanya; dan<br>▪ JP, JPV, MAFI, MOH, BKRPB, LRMP, RISDA, FELCRA, SPRM, MARDI, PETRONAS, POLIS, ATM, JPJ, BOMBA, LHDN, LPP, PNB, ICI, Kulim Hi-Tech "Cyber" MSC / Multimedia Super Corridor" atau "Koridor Raya Multimedia" dan lain-lain |
| Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan berkaitan institusi beraja. | ”Agong”, ”Diraja”, “Raja”, “Permaisuri”, “Putera”, “Puteri”, “Mahkota”, “Raja Muda” atau “Yang Maha Mulia” dan apa-apa jua yang sama maksud dengannya. |

| Prinsip | Keterangan |
| --- | --- |
| **2.** | <table><tr><th>Keterangan</th><th>Contoh</th></tr><tr><td>Nama-nama yang menggunakan gelaran/ darjah kebesaran atau pingat kurniaan Persekutuan atau Negeri tidak dibenarkan.</td><td>Encik, Tuan, Puan, Mr, Mrs, Madam, Dato', Datuk, Dato' Sri, Tan Sri, Datuk Pehin, Tun, PGB, AMN dan lain-lain.</td></tr><tr><td>Nama-nama yang berkaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, atau persatuan/organisasi berkaitan RMP di peringkat dalam negara dan antarabangsa.</td><td>▪ UMNO, PAS, BERSATU, BN, PN, PKR, DAP, MCA, MIC dan seumpamanya;<br>▪ PERPETA, CEUPACS dan seumpamanya<br>▪ MCPA, FAO dan seumpamanya</td></tr><tr><td>Nama-nama yang ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dikawal oleh agensi pekerjaan atau oleh sesuatu profesion yang tidak dibenarkan termasuk gelaran ikhtisas yang diberikan.</td><td>▪ Arkitek, Jurutera, Doktor, Farmasi, Akauntan dan lain-lain<br>▪ Dr, CAM, Ir, Ar, Ts. dan lain-lain</td></tr></table> |

### 4.1.3 Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

**Jadual 3: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.3**

| Prinsip | Keterangan |
| --- | --- |
| **3.** | **Keterangan syarat dan contoh nama dagangan bagi prinsip 4.1.3 adalah seperti berikut:**<br><table><tr><th>Keterangan</th><th>Contoh</th></tr><tr><td>Nama yang mempunyai unsur-unsur nama yang lucah atau dianggap menghina atau mencerca.</td><td>Seks, Sex, Pondan, Biseksual, Perogol, Liwat, Sodomi, Alat Kemaluan dan lain-lain termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain.</td></tr><tr><td>Mengandungi mana-mana perkataan yang buruk atau yang mungkin menyinggung perasaan masyarakat.</td><td>Rasuah, Zina, Judi, Maksiat, Arak, Babi, Mampus, Celaka, Gila dan lain-lain serta termasuk dalam terjemahan bahasa-bahasa lain.</td></tr></table> |

| | |
|---|---|
| Mengandungi mana-mana perkataan yang menyinggung perasaan mana-mana kaum atau agama termasuk nama ras, suku kaum atau bangsa. | Jawa, Bugis, Temiar, Pariah, Keling, Sakai, Jakun, Apek, Nyonya, dan lain-lain termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain. |

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **3.** | |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Mengandungi mana-mana perkataan yang berkaitan peperangan, keganasan dan kepahlawanan serta tidak terkecuali penggunaan nama tokoh, pangkat/lencana/tanda anggota pasukan keselamatan, alatan dan seni bela diri. | Komunis, Tentera, Gerila, Hitler, Rambo, Kapten, Mejar, Jeneral, Hang Tuah, Silat, Thor, Trojan, Kungfu, Silambam, Karate, Taekwando, Bom, Raifal, Pistol, Sumo, Rembat dan lain-lain serta termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain. |
| Sesuatu nama dianggap mengelirukan dari segi identiti dan objek jika nama yang dipohon tidak seiring dengan jenis RMP yang didaftarkan. | ▪ Nama-nama tumbuhan atau tanaman yang tidak berkaitan dengan kegunaan RMP;<br>▪ Nama-nama perosak yang tiada kaitan dengan kegunaan RMP.<br>▪ Nama yang berkaitan dengan ciri-ciri mesra alam sekitar yang memberi gambaran produk RMP tidak mendatangkan sebarang kemudaratan terhadap ekosistem atau alam sekitar. |
| Nama-nama yang melibatkan penggunaan elemen-elemen nutrien tanaman termasuk akronim/formula yang memberikan maksud berlawanan dengan sifat kimia dan fizik serta cara tindakan sesuatu RMP. | ▪ **Baja**: Nitrogen (N), Phosporus (P), Kalium (K) dan lain-lain makro dan mikronutrien tanaman.<br>▪ **Pengawal Atur Tumbesaran (PGR)**: *Auksin, Giberellin, Cytokinin, Ethylene* dan lain-lain hormon yang berkaitan. |

### 4.1.4 Tidak Menggunakan Perkataan-Perkataan Superlatif Atau Yang Boleh Membawa Erti Pada Keunggulan Untuk Perbandingan Sesuatu Produk RMP Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

**Jadual 4: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.4**

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **4.** | **Keterangan syarat dan contoh nama dagangan bagi prinsip 4.1.4 adalah seperti berikut:** |
| **Prinsip** | **Keterangan** |
| **4.** | (see table below) |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Definisi perkataan superlatif berdasarkan kamus Dewan: **Bentuk kata yang menggambarkan yang paling atau ter-, darjah (tingkatan) yang tertinggi** | Rujuk **Lampiran 'A'** Garis Panduan ini. |
| Definisi perkataan superlatif berdasarkan kamus Oxford: ***Relating to adjectives or adverbs that express the highest degree of something, for example best, worst, slowest and most difficult.***<br><br>***Notes:**<br>[1]*When three or more things are compared, the superlative form of the adjective is used to describe the object that is at the highest or lowest limit of the group. This usually means -est is added to the end of the adjective, as in "tallest," "smallest," or "hardest."*<br><br>[2]*The superlative can, in some cases, be formed using the words "most" or "least," as in "most beautiful" or "least expensive." Then there are irregular adjectives, whose superlative form is a completely different word.* | |
| **Penggunaan angka dan aksara (*alphabet*) yang menunjukkan keunggulan** (superlatif) kecuali ianya berkaitan dengan peratusan kandungan perawis aktif RMP. | 1, One, 100, Hundred, 1K, $1^{st}$ dan 100% |
| **Penggunaan angka dan aksara (alphabet) yang menunjukkan gandaan** | Duo, Dual, Double, Triple,Trio & seterusnya<br>AA, AAA dan seterusnya. |

### 4.1.5 Tidak Menggunakan Perkataan-Perkataan Yang Boleh Mengelirukan Pengguna Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

**Jadual 5: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.5**

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **5.** | **Keterangan syarat dan sampel nama dagangan bagi prinsip 4.1.5 adalah seperti berikut:** |

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **5.** | |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Perkataan-perkataan lain termasuk akronim yang bukan superlatif tetapi boleh mengelirukan pengguna dari segi:<br><br>(i) Nama yang berkaitan dengan keselamatan dan dakwaan yang keterlaluan berkaitan RMP;<br>(ii) Nama yang berkaitan dengan nilai komersial yang menunjukkan keaslian, jaminan atau keunikan produk RMP untuk dijadikan perbandingan produk yang lain;<br>(iii) Nama-nama makanan dan minuman serta ubat-ubatan untuk tujuan rawatan kepada manusia;<br>(iv) Nama-nama dagangan (jenama) produk atau perkhidmatan yang telah digunakan atau terkenal seperti makanan, pakaian, agen perumahan, institusi kewangan, perhotelan, hospitaliti, perbankan, insuran, penjagaan kesihatan dan permainan kanak-kanak; dan<br>(v) Nama-nama penyakit yang biasanya menjangkiti manusia. | Rujuk **Lampiran 'B'** berkaitan contoh-contoh perkataan di Garis Panduan ini. |

## 4.1.6. Mematuhi Undang-Undang/Akta/Peraturan Di Malaysia

**Jadual 6: Keterangan dan Contoh Nama Dagangan Bagi Prinsip 4.1.6**

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **6.** | **Keterangan syarat dan contoh nama dagangan bagi prinsip 4.1.6 adalah seperti berikut:**<br>6.1 Nama Dagangan RMP mestilah tidak bertentangan dengan **perlembagaan, undang-undang lain** mengenai larangan penggunaan perkataan tertentu tanpa kebenaran pihak yang mentadbir dan mengawalselia undang-undang berkenaan serta tidak mempunyai **unsur negatif**. |

| Prinsip | Keterangan |
|---|---|
| **6.** | (see table below) |

| Keterangan | Contoh |
|---|---|
| Tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang dikawal dan dihadkan penggunaan kerana kepentingan nasional atau awam seperti:<br>(i) Perkataan-perkataan daripada slogan-slogan Kerajaan<br>(ii) Tema hari kemerdekaan dan sebagainya<br>(iii) Lambang/Simbol Kebangsaan<br>(iv) Tempat- tempat awam dan berkaitan dengan institusi beraja | ▪ Wawasan 2020<br>▪ 1 Malaysia<br>▪ Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan sebagainya<br>▪ Istana Diraja dan bangunan-bangunan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri |
| Nama-nama program/inisiatif/ projek Kerajaan untuk kepentingan nasional dan awam | ▪ BR1M<br>▪ Bantuan Sara Hidup (BSH)<br>▪ Bantuan Prihatin Nasional (BPN), PENJANA**,** ECRL, SIPP dan lain-lain |
| Nama-nama yang berkaitan dengan tokoh pemimpin negara dan negeri. | |
| Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Atau Agensi Kerajaan atau mana-mana Majlis Perbandaran ataupun Pihak Berkuasa Tempatan yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti “Persekutuan”, “Negeri” atau “Nasional”. Perkataan “Malaysia” atau Nama Negeri tidak dibenarkan. | |
| Nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Kerajaan/Negara Asean, Komanwel atau Negara asing atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana pertubuhan antarabangsa atau kartel termasuk nama yang mengandungi perkataan seperti “ASEAN”, “UNESCO”, “NATO”, “EEC” atau “FAO”, “OPEC” dan lain-lain. | |

## 5. TATACARA MENAMAKAN PRODUK RMP

5.1 Setelah memenuhi prinsip-prinsip peletakan nama dagangan produk RMP seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini, syarikat pendaftar seterusnya hendaklah mematuhi **tatacara menamakan sesuatu RMP** seperti berikut:

### 5.1.2 Menggunakan Bahasa Dan Ejaan Yang Betul

Nama hendaklah menggunakan laras Bahasa dan ejaan yang betul. Penggunaan campuran **Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI)** adalah dibenarkan jika penggunaannya adalah untuk **menggambarkan jenis perosak, perumusan dan cara tindakan RMP** serta mestilah mengikut laras Bahasa yang betul;

(i) Perkataan-perkataan dalam dialek dan loghat tempatan dan asing **tidak dibenarkan** sama sekali digunakan sebagai nama dagangan;

(ii) Penggunaan **bahasa lain** hanya **Bahasa Inggeris** sahaja di benarkan dengan syarat perkataan tersebut tidak **mempunyai makna dan erti** yang menyalahi mana-mana prinsip meletakkan nama dagangan RMP seperti di **perkara 4.1.1 hingga 4.1.6** Garis Panduan ini.

(iii) Nama gabungan dari perkataan yang dilarang seperti di lampiran A adalah TIDAK DIBENARKAN.

(iv) Sekiranya nama mengandungi perkataan yang bukan dari **Bahasa Melayu (BM) atau Bahasa Inggeris (BI) atau rekaan, makna atau asal usul perkataan tersebut** hendaklah dijelaskan kepada LRMP untuk kelulusan

penggunaanya. Contoh Nama Dagangan berserta justifikasi adalah sebagaimana di **Jadual 7** di bawah berikut:

| Nama Dagangan | Justifikasi Nama Dagangan Rekaan | |
|---|---|---|
| **MATIKUS** | Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataaan BM- Mati dan Tikus | ✓ |
| **BUTIK** | Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataaan BM - Bunuh dan Tikus | |
| **Nama Dagangan** | **Justifikasi Nama Dagangan Rekaan** | |
| **SIPUTOX** | Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BM- Siput dan BI-Toxic | ✓ |
| **RUMPUTOX** | Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BM- Rumput dan BI-Toxic | |
| **MOSTOP** | Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BI- Mosquito dan Stop | |

### 5.1.3 Menggunakan Nama Dagangan Yang Tidak Terlalu Umum

(i) Nama yang dicadangkan mestilah mempunyai nama identiti dan tidak terlalu umum. Nama adalah dianggap umum jika menggunakan **perkataan biasa (*common words*) atau hanya menunjukkan aktiviti/kesan/formulasi RMP tersebut** kepada perosak sebagaimana contoh di **Jadual 8** di bawah:

| Contoh Nama Dagangan | |
|---|---|
| **ABC Multi Insect Killer** | ✓ |
| **ABC Cockroach Kill** | |
| **ABC MOSQUITO COILS** | |
| **Multi Insect Killer** | ✗ |
| **Cockroach Kill** | |
| **Mosquito Coils** | |

(ii) Syarikat pendaftar **tidak boleh menganggap** bahawa mana-**mana perkataan umum yang dijadikan sebagai sebahagian nama dagangan tersebut adalah merupakan hak eksklusif** dan ianya bebas digunakan oleh mana-mana syarikat pendaftar RMP yang lain.

**5.1.4 Pengunaan Perkataan Jenis Kegunaan Racun, Perawis Aktif dan Perumusan Sebagai Sebahagian Nama Dagangan RMP**

(i) Penggunaan perkataan yang menunjukkan **jenis atau kegunaan RMP** seperti *Herbicide, Fungicide, Insecticide* dan lain-lain serta **termasuk terjemahannya dalam Bahasa Melayu dibenarkan dengan syarat menambah perkataan awalan ataupun akhiran** dan mestilah bersesuaian dengan jenis produk tersebut.

(ii) Produk yang menggunakan **keseluruhan, sebahagian atau singkatan** nama perawis aktif RMP sebagai nama dagangan mestilah menambah perkataan awalan. Perkataan awalan yang **digalakkan ialah nama syarikat yang mendaftar secara penuh atau singkatan serta nama naungan** (*umbrella name*) bagi menunjukkan tanda perniagaan yang digunakan.

(iii) Penggunaan **perkataan penuh atau sebahagian** yang menunjukkan **formulasi atau perumusan RMP kegunaan Isi Rumah sahaja** seperti *Mosquito Coils, Liquid Vaporiser, Aerosol, Paper* dan lain-lain serta termasuk **terjemahannya dalam Bahasa Melayu dibenarkan dengan syarat menambah perkataan awalan ataupun akhiran dan mestilah bersesuaian dengan jenis produk tersebut.**

(iv) Contoh Nama Dagangan bagi penggunaan 3 elemen yang dibenarkan ini adalah seperti di **Jadual 9** berikut:

| Elemen | Keterangan dan Contoh Nama Dagangan |
|---|---|
| **5.1.4 (i)** | Pengunaan perkataan yang menunjukkan **jenis atau kegunaan RMP** |

| Contoh Nama Dagangan | |
|---|---|
| ABC FUNGICIDE<br>RACUN KULAT ABC | ✓ |
| FUNGICIDE<br>RACUN KULAT<br>FUNGICIDE 80<br>FUNGICIDE WG<br>FUNGICIDE 80 WG | X |

| Elemen | Keterangan dan Contoh Nama Dagangan |
|---|---|
| **5.1.4 (ii)** | Penggunaan **keseluruhan sebahagian atau singkatan** nama perawis aktif RMP |

| Contoh Nama Dagangan | |
|---|---|
| ABC GLYPHOSATE 80 EC | ✓ |
| GLYPHOSATE<br>GLYPHOSATE 80<br>GLYPHOSATE 80 WG | X |

| Elemen | Keterangan dan Contoh Nama Dagangan |
|---|---|
| **5.1.4 (iii)** | Penggunaan **perkataan penuh atau sebahagian** yang menunjukkan **formulasi atau perumusan RMP adalah dibenarkan untuk racun kegunaan isi rumah** |

| Contoh Nama Dagangan | |
|---|---|
| ABC LINGKARAN NYAMUK<br>ABC SUSPENSION CAPSULE<br>ABC PEKATAN TEREMULSI | ✓ |
| LINGKARAN NYAMUK<br>GEL | X |

### 5.1.5 Penggunaan Angka/Nombor (*Numeric*) Sebagai Sebahagian Nama Dagangan

i. Penggunaan angka/nombor (*Numeric*) dibenarkan bagi penggunaan yang bersesuaian dan memenuhi semua prinsip meletakkan nama dagangan RMP; dan

ii. Penggunaan angka/nombor untuk dijadikan sebahagian Nama Dagangan mestilah mematuhi syarat-syarat seperti **Jadual 10** berikut:

| Syarat | Keterangan dan Contoh Nama Dagangan |
|---|---|
| **5.1.5 (ii) [a]** | Tidak menggunakan angka/nombor yang disifatkan sebagai superlatif seperti **diperkara 4.1.4**<br><br>**Contoh Nama Dagangan**<br>ABC CYPERMETHRIN 100<br>ABC 100%<br>ABC 1 — **x** |
| **Syarat** | **Keterangan dan Contoh Nama Dagangan** |
| **5.1.5 (ii) [b]** | Angka/nombor tertentu yang **berkaitan dengan kegunaan awam adalah tidak dibenarkan** seperti contoh 999 (talian kecemasan negara), 994 (talian kebakaran), 991 (pertahana awam), 1800 (talian bebas tol); dan apa-apa nombor yang telah diwartakan sebagai kegunaan awam oleh Kerajaan.<br><br>**Contoh Nama Dagangan**<br>ABC 999<br>ABC RACUN TIKUS 1800 — **x** |

<table>
<tr><th>Syarat</th><th>Keterangan dan Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>5.1.5 (ii) [c]</td><td>Sekiranya menggunakan sepenuhnya atau sebahagian nama perawis aktif atau singkatan jenis perumusan pada nama dagangan, angka/nombor yang digunakan hendaklah sama dengan peratusan (%) kepekatan perawis aktif w/w yang didaftarkan.
<table>
<tr><th colspan="2">Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>RMP didaftarkan mengandungi 30% w/w glyphosate dengan perumusan Pekatan Larut Air (SL).<br><br>ABC Glyphosate 30 SL</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>ABC Glyphosate 80 SL<br>ABC Glyphosate 888</td><td>X</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>5.1.5 (ii) [d]</td><td>Penggunaan nombor mengikut turutan dimulai dengan nombor 2 dibenarkan bagi membezakan RMP Kegunaan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) sekiranya mempunyai nama perawis aktif dan kepekatan yang sama. Kemudahan ini hanya diberikan kepada syarikat pendaftar yang sama sahaja.
<table>
<tr><th colspan="2">Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>ABC ABAMECTIN 97 TC<br>ABC ABAMECTIN 97 TC 2<br>ABC ABAMECTIN 97 TC 3</td><td>✓</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

### 5.1.6 Penggunaan huruf/abjad (*Alphabet*) Sebagai Awalan Nama Dagangan

i. Penggunaan huruf/abjad *(Alphabet)* dibenarkan bagi penggunaan yang bersesuaian dan memenuhi semua prinsip meletakkan nama dagangan RMP;

ii. Penggunaan huruf/abjad **yang tidak memberikan sebarang maksud atau rekaan adalah tidak dibenarkan**;

iii. Penggunaan **singkatan huruf/abjad bagi singkatan nama syarikat pendaftar** adalah menggunakan prinsip *'first come first serve'* dan menjadi kepunyaan pendaftar yang asal dan tidak boleh digunakan oleh pendaftar lain;

iv. Penggunaan singkatan **huruf/abjad bagi menunjukkan singkatan nama syarikat pendaftar mestilah konsisten dengan menggunakan hanya satu singkatan** yang didaftarkan pada kali pertama sahaja bagi semua produk RMP yang didaftarkan;

v. Jika Pendaftar boleh membuktikan nama atau huruf tersebut membawa makna yang tidak mengelirukan pengguna, maka boleh dipertimbangkan

vi. Penggunaan huruf/abjad untuk dijadikan sebahagian Nama Dagangan mestilah mematuhi syarat-syarat seperti berikut **Jadual 11** berikut:

<table>
<tr><th>Syarat</th><th>Keterangan dan Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>5.1.6 (v) [a]</td><td>Singkatan untuk perumusan seperti SP, EC, ES dan sebagainya dibenarkan penggunaannya dengan syarat ianya sama dengan singkatan perumusan RMP yang didaftarkan.
<table>
<tr><th colspan="2">Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>ABC CHLORPYRIFOS 80 EC</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>ABC CHLORPYRIFOS EC</td><td>✗</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>5.1.6 (v) [b]</td><td>Singkatan nama syarikat yang mendaftar sebagaimana perkara 5.1.4 (ii).
<table>
<tr><th colspan="2">Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>Sebagai Contoh Nama Penuh Syarikat: RACUMIN SDN. BHD.<br>RAC CHLORPYRIFOS 80 EC<br>RAC MANCOZEB 80 WP<br>RAC MOSQUITO COILS<br>*RAC merupakan nama singkatan yang dikhaskan untuk syarikat tersebut.</td><td>✓</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><th>Syarat</th><th>Keterangan dan Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>5.1.6 (v) [c]</td><td>Semua pendaftaran RMP perumusan Bahan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) teknikal diwajibkan menambah singkatan (TC atau TK) di akhiran nama dagangan bagi pengecaman dan membezakan kegunaan RMP tersebut daripada RMP kegunaan yang lain.
<table>
<tr><th colspan="2">Contoh Nama Dagangan</th></tr>
<tr><td>RAC CHLORPYRIFOS 80 TC<br>RAC MANCOZEB 30 TK</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>RAC MANCOZEB 80 TECHNICAL<br>RAC MANCOZEB 80 TEKNIKAL<br>RAC MANCOZEB 80 TECH</td><td>✗</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

### 5.1.7 Penggunaan Simbol Sebagai Sebahagian Nama Dagangan

(i) Penggunaan simbol dibenarkan dalam nama dagangan RMP dan mestilah bersesuaian dengan penggunaannya; dan

(ii) Penggunaan simbol yang terdapat di dalam nama perawis aktif dan peratusan berat sahaja dibenarkan

(iii) Penggunaan simbol untuk dijadikan sebahagian Nama Dagangan mestilah mematuhi syarat-syarat seperti berikut **Jadual 12** berikut:

| Syarat | Keterangan dan Contoh Nama Dagangan |
|---|---|
| **5.1.7 (iii) [a]** | Simbol "-" (sempang/hyphen) **dibenarkan** bagi nama perawis aktif dan bagi gabungan 2 nama yang bukan superlatif<br><br>**Contoh Nama Dagangan**<br>RAC 2,4-D-DIMETHYLAMMONIUM ✓<br>RAC-SUPER DIURON 80 WG (TIDAK DIBENARKAN KERANA PERKATAAN SUPER) ✗<br>RAC-DIURON 96 TC ✓ |
| **5.1.7 (iv)** | Penulisan peratusan perawis aktif dan perumusan mestilah dijarakkan<br><br>**Contoh Nama Dagangan**<br>RAC-DIURON 96 TC (JARAK YANG DIBENARKAN 1 SPACE) ✓<br>RAC-DIURON 96TC (TIADA PENJARAKKAN) ✗ |

## 6. PENGGUNAAN KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIAN NAMA NAUNGAN (*UMBRELLA NAME*) SEBAGAI TANDA PERNIAGAAN BERDAFTAR SYARIKAT (CAP DAGANGAN)

6.1 LRMP secara **prinsipnya tidak membezakan komponen-komponen** nama dagangan sesuatu keluaran produk RMP sebagai **'*umbrella name*' atau '*sub trade name*'**. Prinsip utama yang perlu diikuti oleh syarikat pendaftar adalah untuk memastikan nama dagangan yang dicetak pada label sesuatu produk **RMP perlulah sama dengan nama dagangan yang diwartakan dan dinyatakan dalam sijil pendaftaran** serta mestilah mematuhi tafsiran **RMP berlainan jenis** berdasarkan ARMP 1974.

6.2 Walau bagaimanapun, mengambil kira keperluan pihak syarikat pendaftar terhadap keperluan dan kepentingan Nama Naungan, LRMP membenarkan penggunaan Nama Naungan dengan syarat-syarat seperti berikut:

6.2.1 **LRMP tidak terikat untuk menerima secara automatik** sebarang Nama Naungan sebagai tanda perniagaan berdaftar syarikat yang didaftarkan dengan **Perbadanan Hak Intelek Malaysia (MyIPO)**. Sekretariat LRMP akan menilai terlebih dahulu kesesuaian nama naungan tersebut sebelum diluluskan penggunaannya;

6.2.2 **Mematuhi semua prinsip-prinsip asas** sebagaimana yang ditetapkan bagi perkara 4 (4.1.1 hingga 4.1.5) Garis Panduan ini;

6.2.3 Adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat pendaftar untuk memastikan **bahawa tiada sebarang pertindihan atau pertikaian dari mana-mana pihak berhubung nama naungan yang dicadangkan** untuk dijadikan nama naungan sesuatu produk RMP. Sekiranya berlaku pertikaian atau penggunaan tanpa kebenaran oleh pihak tertentu, ianya adalah merupakan **tanggungjawab di pihak syarikat pendaftar dan LRMP tidak akan dibebankan**

dengan masalah tersebut sekiranya dibawa keperingkat pendakwaan dan penyelesaian di Mahkamah; dan

6.2.4 Sekiranya syarikat pendaftar ingin mencadangkan **nama naungan sebagai cap dagangan ataupun tanda perniagaan berdaftar yang dimaksudkan**, pihak yang mendaftar dikehendaki **memaklumkan secara bertulis untuk diberi pertimbangan oleh Sekretariat LRMP** sebelum ianya dibenarkan dengan **menyertakan salinan Sijil pendaftaran MyIPO yang dikeluarkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia sahaja**. Semakan terhadap nama naungan yang telah berdaftar sebagai cap dagangan dan **salinan sijil MyIPO berkenaan** boleh dimuat turun di laman web MyIPO melalui pautan https://iponlineext.myipo.gov.my/SPHI/Extra/IP/TM/Qbe.aspx?sid=637328424592986601.

6.2.5 Nama naungan boleh digunakan berulang kali oleh syarikat pendaftar dengan syarat menggunakan apa-apa kombinasi nama perawis aktif, jenis kegunaan, angka peratusan (%) w/w dan singkatan perumusan sebagaimana peraturan 5.1.4 hingga 5.1.6 Garis Panduan ini.

6.2.6 Hanya penggunaan **nama naungan sahaja dibenarkan** sebagai nama dagangan sesuatu produk RMP dan **tidak termasuk cap dagangan lain seperti blok cetakan perkataan, logo, simbol, gambar, nama, huruf, tandatangan, nombor atau apa-apa kombinasi daripada unsur-unsur tersebut.** LRMP **tidak terikat** untuk menerima keseluruhan unsur-unsur tersebut biarpun ianya telah diluluskan **secara pakej oleh MyIPO**. Contoh seperti di Lampiran D

## 7. FORMAT CETAKAN NAMA DAGANGAN PADA LABEL PRODUK RMP

7.1 Format cetakan nama dagangan telah diterangkan secara ringkas di dalam Garis Panduan Pelabelan Produk Racun Makhluk Perosak (Pindaan 2020). Huraian secara terperinci mengenai peraturan dan syarat cetakan nama dagangan pada label RMP adalah seperti di **Jadual 13** berikut:

**Jadual 13: Peraturan dan Syarat Cetakan Nama Dagangan Pada Label RMP**

| Syarat | Keterangan |
|---|---|
| **1.** | **Kedudukan Blok Cetakan Nama Dagangan:** |
| | (i) Kedudukan blok cetakan hendaklah berada di **bahagian paling atas di panel utama** supaya mudah kelihatan dan menonjol berbanding pernyataan yang lain |
| **2.** | **Saiz Blok Cetakan:** |
| | (i) Saiz **minimum** cetakan blok yang ditetapkan adalah **10% daripada ketinggian** keseluruhan label;<br><br>(ii) Saiz **maksimum** cetakan blok nama dagangan **ditetapkan pada 20%** daripada ketinggian keseluruhan label;<br><br>(iii) Penentuan saiz maksimum ini **merangkumi keseluruhan blok nama dagangan** sama ada dicetak dengan susunan secara **sebaris, 2 baris dan baris-baris berikutnya.** Digalakkan syarikat pendaftar tidak menggunakan **nama dagangan yang terlalu panjang yang melebihi 4 patah perkataan** yang menyebabkan susunan blok cetakan **melebihi 2 baris**;<br><br>(iv) Walau bagaimanapun, **susunan baris blok cetakan** ini adalah tertakluk kepada dimensi label dan kecukupan ruang;<br><br>(v) Susunan **baris blok nama dagangan mestilah konsisten** dan seragam bagi semua **pek saiz yang didaftarkan** dan tidak berbeza antara pek pembungkusan yang paling kecil dan paling besar; |

| Perkara | Keterangan |
|---|---|
| **3.** | **Jenis, Warna dan Saiz Penghurufan (*Font*)** |
| | (i) Syarikat pendaftar adalah **bebas untuk menggunakan apa-apa jenis *font*** dengan syarat ianya **senang dan mudah dibaca** oleh orang yang berpenglihatan biasa;<br><br>(ii) Blok tulisan nama dagangan mestilah menggunakan **tulisan rumi (*roman*) sahaja**. Penggunaan **tulisan tambahan** dalam tulisan jawi, kaligrafi cina, kaligrafi india dan lain-lain tidak dibenarkan;<br><br>(iii) Jenis *font* hendaklah **dari jenis yang sama** dan tidak boleh bercampur (berlainan jenis) bagi semua cetakan blok nama dagangan walaupun blok cetakan disusun secara 2 baris. Jenis font bagi baris yang pertama hendaklah sama dengan baris yang kedua, dan seterusnya;<br><br>(iv) *Blok cetakan mesti dicetak dengan jelas dan terang dari segi **ketinggian, menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar**;*<br><br>(v) Bagi blok cetakan yang mempunyai lebih dari satu perkataan, **ketinggian semua huruf mestilah sama** dengan kedudukan cetakan mestilah tidak terlalu jauh atau terlalu dekat **supaya mudah kelihatan**;<br><br>(vi) Blok cetakan nama dagangan boleh menggunakan font dengan keseluruhan huruf besar (*capital letter*) atau menggunakan huruf kecil (*small letter*) dengan **syarat setiap perkataan awalan mesti dimulakan dengan huruf besar dan barulah dicetak dalam huruf kecil;**<br><br>(vii) Penggunaan blok bentuk taip (*font*) dengan serif dan *italic* dibenarkan dengan syarat ianya boleh dibaca dengan blok cetakan **ditetapkan pada sudut 180° sahaja**; |

| Perkara | Keterangan |
|---|---|
| | (viii) Sebarang reka bentuk yang berbentuk aksesori tambahan pada blok nama dagangan **adalah tidak dibenarkan**. Contoh blok cetakan yang mengandungi aksesori seperti penanda, abjad yang diubahsuai, grafik, gambar, logo dan lain-lain. Penggunaan *word art* dan teks efek (*texs effect*) pada blok nama dagangan **dibenarkan** seperti *text outline*, *shadow, reflection, glow, soft edges, 3-D format* dan lain-lain dengan syarat ianya tidak keterlaluan dan mudah dibaca. Bagi penggunaan *text outline* penggunaan warna yang berlainan daripada *warna font* nama dagangan **dibenarkan** seperti contoh warna *font* nama dagangan biru dan *text outline* berwarna hitam;<br><br>(ix) Sekiranya menggunakan rekabentuk persembahan nama dagangan yang memerlukan sebarang latar belakang warna dan dimuatkan dalam bentuk tertentu (*shapes)* hendaklah sama dan tidak berlainan pada baris yang lain;<br><br>(x) Contoh blok nama dagangan ditunjukkan sebagaimana di **Lampiran 'C'** Garis Panduan ini. |
| **4.** | **Cetakan Tanda Cap Dagangan Berdaftar Bagi Nama Dagangan** |
| | (i) Hanya penggunaan **tanda dagangan berdaftar** ® sahaja dibenarkan dicetak pada sebahagian atau keseluruhan nama dagangan bergantung kepada kelulusan dan sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh pihak MyIPO;<br><br>(ii) Syarikat pendaftar perlu mengemukakan kepada LRMP sijil pendaftaran dari MyIPO bagi membuktikan 'kesahan' hak milik cap dagangan tersebut adalah dimiliki oleh syarikat yang berkaitan;<br><br>(iii) **Cetakan tanda dagangan berdaftar TM** tidak lagi dibenarkan dicetak pada sebahagian atau keseluruhan nama dagangan kerana ianya menunjukkan bahawa sebahagian atau keseluruhan nama dangangan itu masih lagi dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pendaftaran cap dagangan daripada MyIPO;<br><br>(iv) Syarikat pendaftar boleh mengemukakan permohonan untuk memasukkan cetakan ® **setelah menerima kelulusan daripada MyIPO bagi sebahagian atau keseluruhan nama dagangan bagi perkara 4 (iii) melalui proses tukar label;** |

| Perkara | Keterangan |
|---|---|
| | (v) Sebarang pernyataan berkaitan **tanda dagangan berdaftar ® tidak lagi dibenarkan dicetak** pada label. Contoh SYKZ® adalah tanda berdaftar syarikat ABC; dan<br><br>(vi) Sijil pendaftaran RMP akan dicetak **tanda dagangan berdaftar ® pada sebahagian atau keseluruhan nama dagangan bergantung kepada kelulusan oleh MyIPO dan penggunaanya di label.** |

## 8. PENERIMAAN DAN PENUKARAN NAMA DAGANGAN

9.1 Sesuatu nama dagangan produk RMP telah dianggap **boleh digunakan** dan **tidak lagi boleh dipinda** oleh syarikat pendaftar apabila;

9.1.1 Permohonan nama dagangan yang telah dikunci masuk (key in) dalam sistem *Mypesticide* kecuali atas arahan pindaan nama dagangan oleh sekretariat LRMP;

9.1.2 Nama dagangan RMP yang telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Kelulusan Pendaftaran RMP.

9.1.3 Sekretariat membuat penilaian melalui proses Penilaian Akhir Label (*Final Label Assessment*) atau proses-proses lain sebelum diwartakan (*gazet*) setelah mendapati bahawa nama dagangan tersebut perlu dipinda disebabkan oleh tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan berdasarkan kepada Akta, Peraturan dan Garis Panduan; dan

9.1.4 Sesuatu nama dagangan telah diwartakan (*gazet*) melalui sijil pendaftaran (Borang B) bagi RMP baharu.

9.2 Penukaran nama dagangan selepas produk diwartakan **tidak dibenarkan** kecuali atas pelanggaran hak penggunaan cap dagangan menerusi arahan mahkamah sahaja. Bagi kes-kes yang melibatkan keputusan mahkamah

yang tidak memihak kepada syarikat pendaftar untuk menukar sesuatu nama dagangan produk RMP dan pihak syarikat perlu membuat proses tukar label utk nama dagangan yang baru sekiranya produk telah digazetkan.

## 9. TARIKH

Pemakaian Garis Panduan Nama Dagangan Produk Racun Makhluk Perosak (Pindaan 2020) berkuat kuasa pada **1 September 2021** bagi menggantikan **Garis Panduan Untuk Nama Dagangan Produk Yang Didaftar Di Bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974** terpakai sepenuhnya bagi permohonan yang melibatkan urusan produk baharu sahaja. Hanya syarat/peraturan di **perkara 7** terpakai bagi aktiviti pendaftaran semula, tambah syor, penambahan pek saiz dan tukar label. Garis Panduan ini adalah terpakai sehingga terdapat garis panduan yang baru dikeluarkan dari semasa ke semasa.

## 10. PENUTUP

Garis Panduan ini menyediakan asas penentuan peletakan dan penilaian nama dagangan sesuatu produk RMP. Walau apa jua tatacara yang dinyatakan, LRMP berhak dan boleh menetapkan kehendak-kehendak tambahan atau sebaliknya. Sebarang pertikaian terhadap maksud mana-mana perkataan atau ayat-ayat di dalam Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada **Sekretariat LRMP dan segala keputusan LRMP adalah muktamad.**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:


Ketua Unit Pelabelan Produk Tel : 03-2030 1493<br>
Timbalan Pengarah Seksyen Pendaftaran dan Pematuhan : 03- 2030 1502<br>
Setiausaha Lembaga Racun Makhluk Perosak Tel : 03- 2030 1504<br>
Faks : 03- 2691 7551

Unit Pelabelan Produk<br>
Seksyen Pendaftaran Dan Pematuhan<br>
Bahagian Kawalan Racun Perosak Dan Baja (BKRPB)<br>
Jabatan Pertanian Malaysia

**LAMPIRAN 'A'**

## PEMERIHALAN SUPERLATIF, PERKATAAN ATAU FRASA YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK DIJADIKAN NAMA DAGANGAN RMP

| VERSI BAHASA MELAYU | | VERSI BAHASA INGGERIS DAN BUNYI SEBUTAN YANG SAMA | ABJAD/ SIMBOL/ NOMBOR |
|---|---|---|---|
| **BIL.** | **PERKATAAN** | | |
| 1. | CEMERLANG | EXCELLENCE; TOP | 100; 100% |
| 2. | MENAKJUBKAN | AMAZING; | NO.1 |
| 3. | HEBAT | SUPER | PLUS; PLAS; + |
| 4. | DIJAMIN; PASTI | GURANTEE, SURE | DOUBLE/DUO |
| 5. | SEMPURNA | PERFECT | TRIPLE |
| 6. | KEAJAIBAN; MENGAGUMKAN; AJAIB | SUPER POWER, MIRACLE | AA/AAA |
| 7. | BERKUASA | POWER, | TRIO |
| 8. | KERAMAT; SUNGGUH | DESTROY; K.O | DUAL |
| 9. | UNGGUL | EXCEL, CHAMPION; HERO | INFINITY |
| 10. | TERBAIK | BEST, BEZ; BES,SPECIAL; STAR | NANO |
| 11. | MUSNAH | PRO | |
| 12. | JUARA | MAX,MAKS, MAXIMISE | |
| 13. | ABADI | SUREMAX | |
| 14. | PROFESIONAL | PROFIT | |
| 15. | MAKSIMUM | SUPREME | |
| 16. | SANGAT | ACE; ASE; | |
| 17. | BESTARI | ESSENTIAL | |
| 18. | C-FU; SIFU | PRIME; MIGHT | |
| 19. | DINOSO; DINOSAUR | MOST, ADVANCE, OUTSTANDING | |
| 20. | ISTIMEWA | RAPID; QUICK | |
| 21. | AGUNG | ALPHA, BETA | |
| 22. | APA-APA SUPERLATIF, PERKATAAN ATAU FRASA LAIN YANG SINONIM DENGAN YANG DI ATAS. | *EST IS ADDED TO THE END OF THE ADJECTIVE, AS IN "TALLEST," "SMALLEST," OR "HARDEST."* | |

**Nota:**
**Senarai di atas tidak muktamad dan tertakluk pada perubahan.**

**LAMPIRAN ‘B’**

## PEMERIHALAN PERKATAAN-PERKATAAN LAIN TERMASUK AKRONIM YANG BUKAN SUPERLATIF TETAPI BOLEH MENGELIRUKAN PENGGUNA YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK DIJADIKAN NAMA DAGANGAN RMP

| SENARAI PERKATAAN ATAU FRASA MENGIKUT KATEGORI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **KESELAMATAN** | **NILAI KOMERSIAL UNTUK PERBANDINGAN** | **NAMA MAKANAN, MINUMAN & UBAT-UBATAN** | **JENAMA PRODUK TERKENAL** | **NAMA PENYAKIT MANUSIA** |
| BIO | ELITE | FIGO | PROTON | MELASMA |
| SEMULAJADI | SHIELD | KFC | KINGSTON | COVID -19 |
| BIOPESTICIDE | GUARD | MAGGIE | OLE; OLAY | AIDS |
| NATURAL; NATURE | WIRA; SATRIA | ZASAR | LV | HIV |
| ORGANIK | ENERGY | TWISTER | APPLE | TIBI |
| MESRA ALAM | ORI; ORIGINAL | IMUNIT | | KANSER |
| EKO; ECO | SMART | PANADOL | | SAWAN |
| ASLI | CEKAP; PANTAS | BIONTECH | | TALASEMIA |
| SELAMAT; SAFE | FAST; FAS; FAZ | AZ | | CACAR |
| HARUM | HAPUS | SINOVAC | | MERS |
| CARE | ISTIMEWA | | | |
| HIJAU | BAGUS; BAGUZ | | | |
| ECO FRIENDLY | KUAT | | | |
| GREEN;GREEN LABEL | STRONG; QUAT | | | |
| ENVIRO | EXTRA; EXTREME; XTREME | | | |
| | TWISTER | | | |
| | GOOD | | | |
| | ULTRA | | | |
| | POWER | | | |
| | RICH | | | |
| | SUPREME | | | |
| | DR MOS | | | |
| | GOLD | | | |
| | MEGA; MIKRO; MICRO; MAKRO; MACRO | | | |
| | | | | |
| | | | | |

**Nota:**
**Senarai di atas tidak muktamad dan tertakluk pada perubahan.**

**LAMPIRAN ‘C’**

## CONTOH CETAKAN NAMA DAGANGAN PADA LABEL RMP

| Perkara | Contoh Cetakan Nama Dagangan | |
|---|---|---|
| Blok Cetakan Nama Dagangan Yang Mengikut Spesifikasi   | **AAA BBBB**<br>**Aaa Bbbb**<br>**AAA**<br>**BBBB**<br>***AAA BBBB***<br>Font di italic<br>**AAA BBBB**<br>Penggunaan font jenis serif | ✓ |
| Kedudukan blok cetakan mesti mendatar pada sudut $180^0$ atau $360^0$   | **AAA BBBB**<br>**BBBB**<br>**AAA**<br>**AAA**<br>Sudut cetakan bukan $180^0$ atau $360^0$ | ✗ |
| Menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar | **AbA**<br>**BBbb**<br>Saiz font tidak sama<br>**AAA BBBB**<br>Warna font yang tidak sama<br>**AAA** BBBB<br>Jenis font yang bercampur<br>**AAA BBBB**<br>Kepekatan warna font yang tidak sama | |



| Perkara | Contoh Cetakan Nama Dagangan | |
|---|---|---|
| Jenis tulisan yang terlalu *fancy* dan bersambung menyebabkan sukar untuk dibaca | Disney, Turner, The Flintstones, Kellogg's, The Washington Post, Atmel | ✗ |
| Sebarang reka bentuk yang berbentuk aksesori tambahan pada blok nama dagangan | Intuit, Fujitsu, Memorex, VeriSign, Veritas, Warrant Herbicide | |
| Penggunaan warna latar belakang atau grafik yang tidak sama bagi blok nama dagangan. | Showtime, Cinemax, Premier Broker Partners Sales & Marketing, alliant, Movable Ink | |
| Menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar | Oracle, Vending Times, Sprout, Grovo | ✓ |
| Menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan bagi latar belakang yang sama | Fortune, Crane, COAC, Hershey's, SAP | ✓ |
| Blok cetakan mesti dicetak dengan jelas dan terang dari segi ketinggian, menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar | webex, Automatic Merchandiser, Vending Marketwatch, Paytm, Clif Bar, cpi, Warrant Ultra Herbicide, vidyard, Smucker's | ✗ |

**LAMPIRAN ‘D’**

| CONTOH | KETERANGAN |
|---|---|
|   | LRMP **tidak terikat** untuk menerima keseluruhan unsur-unsur tersebut biarpun ianya telah diluluskan **secara pakej oleh MyIPO** |
|   | LRMP **tidak terikat** untuk menerima keseluruhan unsur-unsur tersebut biarpun ianya telah diluluskan **secara pakej oleh MyIPO** |